

20 MAY 2000

Mahathir-Bahasa

BANGSA MELAYU PERLU MENCAPAI KEMAJUAN SUPAYA BAHASA DIHORMATI

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata orang Melayu perlu mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang termasuk ilmu, perniagaan dan usaha penerokaan yang berani supaya bahasanya dihormati.

Perdana Menteri berkata: "Kemajuan bangsa amatlah penting, kita tidak boleh ungkit kemajuan bahasa sahaja tanpa membabitkan kemajuan bangsa itu sendiri."

"Bahkan kadang-kadang kita berpendapat kemajuan bangsa lebih penting daripada kemajuan bahasa kerana kemajuan sesuatu bangsa akan diikuti dengan kemajuan bahasanya," kata beliau pada majlis jamuan sempena 30 tahun penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) malam ini.

"Malam Sanjungan Budi" yang diadakan di Hotel Palace of the Golden Horses di Seri Kembangan, Sungai Besi, dihadiri oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'afar Tuanku Abdul Rahman selaku Canselor UKM dan Tuanku Ampuan Tuanku Najihah Tunku Besar Burhanuddin.

Dr Mahathir berkata sebaliknya, kalau bangsa itu tidak maju walaupun elok tetapi tidak akan digunakan seperti beberapa bahasa bangsa dahulukala seperti di zaman Mesir purba dan bahasa Latin asal.

Beliau berkata bangsa tamadun ini pada satu ketika dahulu begitu maju tetapi sekarang ini mereka sudah hilang daripada muka bumi dan hanya dikaji dan diselidik oleh ahli kaji purba.

"Sudah tentu itu jika orang Melayu hilang daripada muka bumi maka bahasa mereka akan dikaji dan diselidik sebagai satu bahasa orang yang sudah tidak ada lagi," kata beliau.

Dr Mahathir berkata sebaliknya kalau bangsa itu maju bahasanya akan dihormati dan dikaji serta dipelajari oleh para penyelidik antarabangsa pada masa kini.

"Sebab itu kita kena memajukan bangsa Melayu dan untuk memajukan bangsa Melayu kita perlu melihat mereka tumpukan kepada penguasaan segala ilmu dan mereka juga perlu membuat kaji selidik berkenaan dengan bermacam-macam ilmu dalam bahasa Melayu," katanya.

"Dalam bidang-bidang lain juga kita perlu mencapai kejayaan seperti sebagai orang yang berani menghadapi cabaran dan mendapati mengatasi pelbagai masalah mengancam diri mereka...pencapaian seperti pelaut (Datuk) Azahar Mansor."

Beliau berkata kalau mereka menjadi satu bangsa yang maju bukan sahaja daripada segi ilmu tetapi dalam perniagaan, perusahaan dan menjadi bangsa yang cukup kaya dan kuat yang boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa lain yang maju, percayalah Bahasa Melayu akan dipelajari oleh masyarakat dunia.

-- BERNAMA

GM FAZ